



01 MAR, 2022

Bursa Malaysia ditutup kukuh

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Bursa Malaysia ditutup kukuh

KUALA LUMPUR: Bursa Malaysia ditutup kukuh hari ini berikutan minat belian berterusan dalam saham mewah apabila para pelabur tidak mengambil endah akan konflik ketegangan antara Rusia dan Ukraine, kata para peniaga.

Seorang peniaga berkata, para pelabur mula membeli saham wajaran tinggi susulan pengumuman pendapatan korporat yang kebanyakannya positif.

Pada 5.00 petang semalam, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) mening-

kat 1.04 peratus atau 16.56 mata kepada 1,608.28 daripada paras penutup 1,591.72 pada Jumaat minggu lepas.

Indeks petunjuk pasaran itu dibuka tinggi naik 4.02 mata kepada 1,595.74, paras intra hari terendahnya dan mencecah paras intra hari tertinggi pada 1,613.49 semasa sesi awal dagangan.

Bagaimanapun, keseluruhan suasana pasaran negatif dengan kaunter rugi mengatasi kaunter untung sebanyak 635 berbanding 413, manakala 368 kaunter tidak berubah, 862 tidak diniagakan dan 51 yang lain digantung.

Jumlah dagangan meningkat sedikit kepada 3.47 bilion unit bernilai RM3.97 bilion berbanding 3.24 bilion unit bernilai RM2.92 bilion pada Jumaat minggu lepas.

Naib presiden penyelidikan ekuiti Rakuten Trade Sdn Bhd, Thong Pak Leng berkata, berita bahawa Rusia bakal menghantar delegasi ke Minsk ibu kota Belarus untuk mengadakan rundingan dengan Ukraine juga memberi rangsangan kepada sentimen positif itu.

Di dalam negara, beliau berkata, FBM KLCI melepasi paras ketahanan teknikal 1,600 sekali lagi dan ia mungkin bergerak menuju ke paras ketahanan seterusnya sekitar 1,618 hingga 1,620.

"Kami kekal optimis dalam berhati-hati memandangkan peningkatan sentimen pasaran tempatan dan sokongan asing tetapi para pelabur perlu berwaspada dengan peningkatan kemaruapan pasaran dan ketidakpastian luaran," katanya kepada Bernama.

Oleh itu katanya, FBM KLCI dijangka bergerak dalam jajaran kecil dan berada sekitar paras 1,600 hingga 1,620 bagi minggu ini.

"Dari segi teknikal, paras ketahanan segera tidak berubah pada 1,618, manakala paras skokongan berada pada 1,570," katanya.

Saham wajaran tinggi Maybank turun 12 sen kepada RM8.76, Telekom Malaysia susut 29 sen kepada RM5.06, Public Bank menokok 8.0 sen kepada RM4.45, MR D.I.Y. jatuh enam sen kepada RM3.63, Sime Darby Bhd berkurangan empat sen kepada RM2.27 dan Nestle turun RM1.10 kepada RM134.0.

Dalam kalangan kaunter cergas, Siab Holdings yang memulakan dagangan sulung di ACE Market naik satu sen kepada 31 sen, SMTrack meningkat setengah sen kepada 24 sen, DNeX dan Armada susut dua sen setiap satu masing-masing kepada RM1.13 dan 47.5 sen dan Fitters turun 7.5 sen kepada 25.5 sen.

Di papan indeks, FBM ACE turun 61.06 mata kepada 5,887.78, FBM 70 berkurangan 39.88 mata kepada 13,476.06, Indeks FBM Emas naik 76.54 mata kepada 11,426.78, Indeks FBMT 100 meningkat 82.69 mata kepada 11,105.86 dan Indeks FBM Emas Syariah menambah 101.12 mata kepada 12,117.59.

Mengikut sektor, Indeks Perkhidmatan Kewangan meningkat 40.26 mata kepada 16,524.90, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian naik 2.23 mata kepada 210.88 dan Indeks Perladangan meningkat 217.22 mata kepada 8,315.51.

Jumlah dagangan Pasaran Utama berkurangan kepada 2.34 bilion saham bernilai RM3.70 bilion daripada 2.16 bilion saham bernilai RM2.69 bilion pada Jumaat minggu lepas.

Jumlah dagangan waran meningkat kepada 314.05 juta unit bernilai RM46.12 juta berbanding 269.01 juta unit bernilai RM43.75 juta.

Jumlah dagangan Pasaran ACE menokok kepada 822.68 juta saham bernilai RM219.19 juta berbanding 812.63 juta saham bernilai RM188.63 juta sebelumnya.

Kaunter produk dan perkhidmatan pengguna menyumbang 351.48 juta saham yang diniagakan di Pasaran Utama, produk dan perkhidmatan perindustrian (487.92 juta), pembinaan (86.01 juta), teknologi (277.63 juta), SPAC (sifar), perkhidmatan kewangan (162.62 juta), hartanah (145.27 juta), perladangan (298.00 juta), REITs (15.68 juta), dana tertutup (sifar), tenaga (319.34 juta), penjagaan kesihatan (72.35 juta), telekomunikasi dan media (56.49 juta), pengangkutan dan logistik (40.16 juta) dan utiliti (28.08 juta).- Bernama